# MODUL 5: LEJAR

Sila jawab soalan di bawah dengan membuat pilihan jawapan yang tepat.

1. Lejar adalah buku yang
   A Menyenaraikan kos jualan bagi satu tempoh perakaunan
   B Merekod hasil dan belanja untuk mengira keuntungan perniagaan
   C Merekodkan semua perbelanjaan perniagaan dalam tempoh perniagaan
   D Mengandungi pelbagai jenis akaun yang digunakan untuk merekod urus niaga

2. Jadual berkaitan dengan Akaun Nyata dan Akaun Nominal sebuah perniagaan.

| | Akaun Nyata | Akaun Nominal |
|---|---|---|
| I | Perabot | Diskaun diberi |
| II | Bank | Bank |
| III | Jualan | Gaji |
| IV | Kenderaan | Belian |

   Pilih pengelasan yang betul.
   A I dan II　　C II dan III
   B I dan IV　　D III dan IV

3. Antara berikut, pernyataan manakah yang benar tentang lejar?
   I Akaun modal dan akaun ambilan direkodkan ke dalam lejar am
   II Lejar subsidiari terdiri daripada lejar jualan dan lejar belian
   III Lejar belian digunakan untuk merekod semua Akaun Belum Bayar
   IV Lejar Akaun Belum Bayar dikenali juga sebagai lejar jualan
   A I, II dan III　　C I, III dan IV
   B I, II dan IV　　D II, III dan IV

4. Antara yang berikut, akaun manakah direkodkan dalam lejar subsidiari?
   I Akaun aset
   II Akaun hasil
   III Akaun Belum Bayar
   IV Akaun Belum terima
   A I dan II　　C II dan III
   B I dan IV　　D III dan IV

5. Antara berikut, yang manakah benar tentang perbezaan Lejar Jualan dengan Lejar Belian?

| | Lejar Jualan | Lejar Belian |
|---|---|---|
| I | Mengandungi semua akaun hasil | Mengandungi semua akaun belanja |
| II | Mencatat semua ak belum terima | Mencatat semua akaun belum bayar |
| III | Merekod urus niaga jualan kredit | Merekod urus niaga belian kredit |
| IV | Melibatkan urus niaga jualan tunai | Melibatkan urus niaga belian tunai |

   A I dan II　　C II dan III
   B I dan IV　　D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

6. Akaun berikut yang diperoleh daripada Kedai Buku Taib akan dikelaskan kepada 2 jenis lejar.

Akaun Perabot

| | | | |
|---|---|---|---|
| Kedai Perabot Lim | 520 | | |

Kedai Perabot Lim

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Perabot | 520 |

Apakah jenis lejar tersebut?

| | Akaun Perabot | Kedai Perabot Lim |
|---|---|---|
| A | Lejar Am | Lejar Belian |
| B | Lejar Am | Lejar Am |
| C | Lejar Belian | Lejar Am |
| D | Lejar Belian | Lejar Belian |

7. Rajah berkaitan dengan pembahagian akaun.




Apakah X dan Y?

| | X | Y |
|---|---|---|
| A | Akaun Modal | Akaun ambilan |
| B | Akaun Jualan | Akaun belian |
| C | Akaun Belum Bayar | Akaun Belum Terima |
| D | Akaun kadar bayaran | Akaun dividen |

8. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** Lejar Am?
   A Akaun Belum Terima
   B Akaun Modal
   C Akaun Belanja
   D Akaun Hasil

9. Yang manakah **BUKAN** tujuan pembahagian lejar?
   A Memudahkan kerja-kerja mencatat
   B Kesilapan dapat dimaksimumkan
   C Kualiti dan kecekapan perekodan dapat dipertingkatkan
   D Mudah untuk membuat rujukan

10. Yang manakah antara berikut merupakan Akaun Nominal?
   A Akaun Kenderaan dan Akaun Bank
   B Akaun Gaji dan Akaun Faedah atas Simpanan
   C Akaun Belum Bayar dan Akaun Diskaun Diberi
   D Akaun Perabot dan Akaun Jualan

LIVEWORKSHEETS